

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"KITA perlu sadar, isu akidah adalah isu sepanjang zaman. Aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan akidah adalah perkara lumrah. Namun orang kurang sadar bahawa perkara seumpama ini boleh membawa kepada kebinasaan dan kerugian yang amat besar."

-Titah Sempena Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-61 Tahun pada 9 Rejab 1428 Hijrah / 24 Julai 2007 Masihi.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي نَارِهَا

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN orang-orang yang berjihad untuk Kami, Kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat kebaikan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Ankabut, ayat 69.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 62 / BILANGAN 13

30 JANUARI 2017 / 1438 جمادى الأولى 2

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat hidupkan amalan Rasulullah



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (empat, kiri) hadir pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Dalam sama-sama memakmurkan dan mengimarahkan masjid, Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddin telah mengadakan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin. Pada masa yang sama, program tersebut turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara Bandarku Ceria memulakan hari mereka dengan meraih keberkatan

dengan menunaikan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang serta taklimat.

Program kali ini diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Riadah Jasmani melalui Sembahyang Subuh' yang disampaikan oleh Penceramah Tetap Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Hadir sama-sama menyertai jemaah masjid ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan para pegawai kanan dari KHEU.

Kehadiran jemaah sekaligus akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Memakmurkan masjid itu boleh dimaksudkan sebagai membangun dan mendirikan masjid, mengisi dan menghidupkannya dengan berbagai ibadah dan menunaikan kewajiban kepada Allah, menghormati dan memeliharanya dengan cara membersihkannya dari kotoran-kotoran dan sampah.

Pendaftaran keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Kementerian Pendidikan dengan inisiatif dan kerjasama DST Communications Sdn. Bhd. (DST) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi Keputusan Peperiksaan B-C GCE 'O' LEVEL dan IGCSE 2016.

Pelanggan (pelajar dan ibu bapa) yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar dalam talian melalui web portal Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau portal e-Darussalam di www.gov.bn.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan, para pelanggan juga akan dapat untuk mendaftar melalui telefon bimbit melalui khidmat pesanan ringkas dan diperlukan untuk memasukkan teks berikut : MOE <jarak> REG <jarak> [KOD PUSAT] <jarak> [NOMBOR CALON] <jarak> [NOMBOR I.C. CALON] dan hantar ke 8885555 untuk Pelanggan DST sahaja.

Para pelanggan juga perlu tahu bahawa tiada caj akan dikenakan untuk pendaftaran melalui web portal Kementerian Pendidikan atau telefon bimbit.

Pelanggan boleh mula melanggan perkhidmatan ini pada Isnin, 30 Januari 2017, jam 10.00 pagi.

Keputusan peperiksaan tersebut hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS selepas mendapat kelulusan dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pelajaran mengumumkan keputusan berkenaan.

Pelanggan akan dikenakan bayaran sejumlah BND3.00 untuk setiap keputusan SMS yang diterima.

Dengan perkhidmatan tersebut, Kementerian Pendidikan berharap ia akan memberi manfaat kepada orang ramai terutama sekali para ibu bapa dan pihak berkepentingan, Kementerian Pendidikan secara umum.


Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan lanjut mengenai cara mendaftar, e-mel boleh dihantar ke mach@machbrunei.com atau layari laman sesawang di <http://www.machbrunei.com/moe/welcome.php?>.

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan



Muka 7

KARNIVAL Cinta Rasul terima ribuan pengunjung



Muka 10

GILAP bakat artis tempatan

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Sambutan Jubli Emas : Wadah memantapkan keharmonian bernegara

Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'ala Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua dapatlah kita hadir di Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta iaitu genap 50 tahun pemerintahan paduka ayahanda pada 5 Oktober 2017.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyampaikan menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis paduka ayahanda memperkenalkan bagi penubuhan dan pelantikan ahli-ahli kepada Jawatankuasa Penasihat dan juga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta ini.

Apa yang penting sekarang ialah setiap ahli yang dilantik akan sepakat bekerjasama dan komited dalam sama-sama memberikan buah fikiran dan mengongosikan pengalaman-pengalaman masing-masing ke arah memastikan kesempurnaan dan kelancaran persediaan, perancangan serta pelaksanaan setiap acara-acara sambutan nanti.

Saya percaya dengan kesepakatan dan komitmen tinggi semua pihak, acara-acara Sambutan Jubli Emas ini akan menjadi wadah pada memantapkan lagi keharmonian bernegara melalui jalinan akrab di antara raja dan rakyat jelata; menerapkan semangat patriotik; kasih serta setia kepada raja; cintakan tanah air; bersatu padu dalam memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara serta untuk sama-sama memajukan negara.

Pada mengimbas kembali titah paduka ayahanda sempena Menyambut Awal Tahun Masihi 2017 dalam konteks Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta bahawa sambutan ini adalah sangat besar ertinya, sebagai cara untuk menghargai sejarah.

Sejarah adalah 'lidah' zaman yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi tanpa pernah mengenal penat atau bosan.

Paduka ayahanda juga melahirkan harapan bagi kita semua akan dapat mengamalkan sifat bersederhana di dalam perayaan yang dirancang. Sifat sederhana berkenaan, termasuk memberi keutamaan apa yang utama.

Namun, bukanlah menjadi tujuan kita untuk menyempitkan wawasan bagi masa depan



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta di Bilik Mesyuarat, West Wing, Tingkat 1, Jabatan Perdana Menteri pada hari Khamis, 28 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 26 Januari 2017 Masihi.

yang panjang. Apa yang penting ialah perayaan atau sambutan berkenaan sifatnya sebagai 'petanda' bagi sejarah.

Demikianlah juga harapan saya bagi Sambutan Jubli Emas nanti, agar ianya bukan sahaja merupakan satu ristaan sejarah kegemilangan pemerintahan paduka ayahanda, malah turut menandai kekukuhan institusi raja negara ini dengan terus mengekalkan identiti, budaya dan adat resam orang Brunei.

Saya mengambil perhatian khusus mengenai Majlis Bersama Rakyat yang sepatutnya diberikan perhatian atau diwalaupun dengan sebelum ini kerana ini merupakan sambutan istimewa. Sebagai misal diadakan di tempat yang sesuai dan lebih teratur dengan atur cara menarik yang menggambarkan keakraban raja dan rakyat.

Namun dalam merangka perancangan dan konsep-konsep acara sambutan, ianya hendaklah bersifat bersederhana dan sentiasa menitikberatkan aspek-aspek yang menjurus kepada mengangkat Adat Istiadat Diraja Brunei. Lebih penting lagi, ianya adalah sebagai simbol yang jelas kepada pencapaian-pencapaian bermakna kepada negara serta rakyat dan penduduknya

di sepanjang pemerintahan paduka ayahanda.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, berkat kewibawaan dan pimpinan bijaksana paduka ayahanda dalam menerajui pentadbiran negara, Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah memenuhi kehendak pembangunan dan kemajuan serta dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan politik.

Sepertimana kita sama-sama saksikan, pencapaian-pencapaian di sepanjang 50 tahun pemerintahan paduka ayahanda telah banyak membawa pelbagai perubahan dan kemajuan positif kepada negara, termasuklah dalam aspek menjaga dan memelihara kemaslahatan setiap rakyat dan penduduk. Ianya merentasi pelbagai sektor dan bidang-bidang keutamaan.

Kepimpinan paduka ayahanda juga telah berjaya menjadikan negara ini mampu menjana perkembangan ekonomi yang positif dalam menarik pelaburan asing.

Selain ini, negara kini juga telah melahirkan lebih ramai cendekiawan-cendekiawan dan pakar-pakar orang Brunei sendiri yang setentunya meningkatkan keupayaan dan daya saing kita di peringkat antarabangsa.

Namun, bidang keagamaan tetap dijadikan teras kepada perancangan dan hala tuju pembangunan dan perkembangan negara selaras dengan hasrat menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Inilah antara perkara-perkara yang perlu ada dalam pemikiran kita dalam melakar acara-acara sambutan dan sebagai sandaran kepada menilai impak atau *outcome* yang hendak diperolehi dari acara tersebut.

Kita hanya tinggal beberapa bulan sahaja lagi untuk merancang dan melaksanakan Sambutan Jubli Emas ini.

Tempoh masa ini adalah lebih singkat lagi jika mengambil kira acara-acara kebesaran negara yang sedia ada untuk dirancang dan dilaksanakan di dalam tempoh tersebut, seperti Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Sambutan Hari Keputeraan paduka ayahanda dan acara-acara kebesaran lainnya.

Saya mahu setiap Jawatankuasa Sektorial Sambutan Jubli Emas untuk menghadapkan segala perancangan rancangan masing-masing kepada Urus Setia Sambutan Jubli Emas dalam tempoh dua minggu dari tarikh mesyuarat hari ini.

Dalam melaksanakan acara-acara sambutan ini, ianya perlu dirancang sehalus-halusnya dan dipantau secara teliti serta bersestematik. Ke arah ini, kaedah *delivery approach* akan diguna pakai oleh setiap Jawatankuasa Sambutan Jubli Emas dalam membuat pemantauan terhadap pelaksanaan acara-acara sambutan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Ke muka 4

Dari Sidang
Pengarang.

30 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الأول 2

KEMBANG MAJUKAN PERNIAGAAN MELALUI PLATFORM MEDIA SOSIAL

CUBE Junction atau pasaran hibrid dalam talian bagi perniagaan generasi-i, perniagaan nano dan mikro, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan platform e-Dagang perdana bagi rantau ASEAN, ASEAN+3 dan BIMP-EAGA telah dilancarkan baru-baru ini di Bangunan Teknologi dan Rekabentuk, Kampung Anggerek Desa.

Cube Junction merupakan sebuah platform di bawah bimbingan Program Inisiatif Belia dan Kotej di iCentre dengan sokongan Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Brunei Darussalam (NCCIBD). NCCIBD dalam kapasitinya akan memainkan peranan penting untuk menggalakkan inisiatif sektor swasta di negara ini mengenai pembangunan ekonomi tempatan dan perdagangan antarabangsa ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), ASEAN+3 dan BIMP-EAGA sejajar dengan rancangan strategik kerajaan.

Dengan Negara Brunei Darussalam (NBD) ketika ini menuju ke arah ekonomi mampan kepada sektor bukan minyak dan gas menjelang tahun 2035, serta menangani cabaran dan isu-isu semasa, pelan utama NCCIBD akan menumpukan kepada meningkatkan perniagaan melalui platform atas talian (online) cara ASEAN, iaitu yang berkaitan dengan produk premium, produk halal, produk nilai tambah, menawarkan perkhidmatan bagi perusahaan nano dan mikro serta PKS.

Oleh yang demikian, dengan pelancaran platform media sosial, Cube Junction ini ia diharap akan membantu negara dalam meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan dihasratkan untuk mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Melalui Cube Junction ini juga, NBD akan menjadi hab pemindahan strategik kapal dan kargo udara yang akan membantu meningkatkan perdagangan antara China, ASEAN, ASEAN+3 dan BIMP-EAGA.

Di bawah Program Inisiatif Belia dan Kotej di iCentre, Cube Junction merupakan platform e-Perdagangan Brunei yang diterajui 100 peratus syarikat tempatan dan 100 peratus mengambil pekerja tempatan, dengan rangkaian sosial dalam talian hibrid dan pasaran dalam talian melalui satu platform.

Di samping itu, Cube Junction juga bekerjasama rapat dengan syarikat pengangkutan serantau berdaftar dalam negara, Concord Transworld Forwarding untuk pengedaran ke kawasan pedalaman Brunei. Selain itu, Cube Junction juga akan bekerjasama dengan AFL Logistik Hong Kong, e-Dagang dan syarikat logistik antarabangsa bagi meningkatkan perdagangan rentas sempadan bagi industri e-Dagang negara ini yang disediakan bagi Komuniti Ekonomi ASEAN dan ASEAN+3.

Dengan adanya platform Cube Junction ini, perusahaan nano, mikro, PKS serta perniagaan kotej hanya memerlukan kos yang minimum dan boleh beroperasi dari rumah. Selain itu, ia juga menyediakan sistem perkhidmatan penghantaran dari pintu ke pintu di mana sahaja di dunia, sekali gus menyelesaikan isu utama pengangkutan dan logistik perniagaan kecil di negara ini.

Dengan adanya perkhidmatan yang ditawarkan oleh Cube Junction ini akan dapat membuka lebih luas lagi peluang perniagaan bagi para pengusaha tempatan serta mengambil peluang ini bagi mengembangluaskan lagi rangkaian perniagaan mereka hingga keluar negara. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 26°C
32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 26°C
32°C 25°C	32°C 25°C	33°C 25°C
32°C 25°C	32°C 26°C	32°C 26°C
32°C 25°C	32°C 25°C	33°C 25°C
32°C 25°C	32°C 25°C	33°C 25°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
30	ISNIN	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	SELASA	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1 FEBRUARI	RABU	4	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	KHAMIS	5	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	JUMAAT	6	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	SABTU	7	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
5	AHAD	8	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
-------------------------	------------------------	---------------------	---------------------	--------------------------	--	------------------------

Pesta Senukoh pacu ekonomi penduduk



TURUT menyertai aktiviti mengamping pada Pesta Senukoh Kali Ke-2 ini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu (kiri).

TEMBURONG, Sabtu, 28 Januari. - Pesta Senukoh Ke-2, 2016 / 17 'Berkenjungan Tah ke Pesta Senukoh' anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Senukoh berlangsung meriah dengan lebih 14 acara disusun pada pesta kali ini yang berlangsung di kawasan Balai Raya Kampung Senukoh, di sini.

Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin, selaku

Pengerusi Pesta dalam ucapannya antara lain berharap, penganjuran pesta kali ke-2 ini akan terus mencapai objektifnya iaitu dalam mengeratkan hubungan silaturahmi yang sedia terjalin dalam kalangan penduduk kampung yang berbilang kaum.

Hadir merasmikan pesta itu ialah Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohd. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud.



ANTARA produk satu kampung satu produk Majlis Perundingan Mukim (MPM) Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Temburong dan hasil pertanian penduduk Kampung Senukoh yang dijual pada pesta tersebut.



PENGUNJUNG turut menyertai aktiviti menarik semasa pesta ini.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Mohd. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud (kanan) semasa merasmikan Pesta Senukoh Ke-2, 2016 / 17 'Berkenjungan Tah ke Pesta Senukoh' anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Senukoh.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Haji Hussin

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, para penghulu mukim dan ketua kampung serta para penduduk kampung dan pengunjung-pengunjung dari luar daerah.

Awang Mohd. Amir Hairil turut menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan gubahan buah-buahan hutan, di samping berpeluang menyaksikan dan menyertai kegiatan-kegiatan menarik yang disusun di dalam pesta ini.

Sementara penyelaras pesta itu, Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba menyatakan antara objektif utamanya antara lain, bagi mengeratkan silaturahmi serta meningkatkan perpaduan dalam kalangan penduduk kampung, terutama yang bekerja di luar Daerah Temburong untuk balik ke Kampung Senukoh bersama keluarga masing-masing bagi menyertai aktiviti yang disusun menerusi pesta ini dan secara kebetulan ia diadakan

semasa hari cuti kelepasan awam dan selain itu, pesta itu sebagai usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung luar berkunjung ke kampung berkenaan.

Di samping itu, pesta ini turut memfokuskan pada aktiviti perekomnahan, terutama dalam menentengahkan pameran dan jualan produk-produk yang dihasilkan oleh MPK Senukoh sendiri serta produk-produk pertanian atau kraf tangan warga kampungnya serta pameran dan jualan Satu Kampung Satu Produk dari MPM / MPK lain di daerah ini.

Dalam pada itu, tambahnya, aspek kebudayaan turut tidak dilupakan sebagai usaha mengekalkan kepelbagaian budaya terutama kepada generasi muda di kampung tersebut untuk ditonjolkan kepada masyarakat luar yang hadir, antaranya dengan mengadakan aktiviti tradisi mengamping padi daripada masyarakat Kedayan, persembahan kebudayaan dari masyarakat Murut serta pertandingan gubahan buah-buahan hutan.

Awang Haji Matusin seterusnya berbangga dengan komitmen padu yang diberikan penduduk kampung menerusi pengendalian pesta ini, yang mana jelasnya budaya begotong-royong, kesefahaman, semangat bersatu padu dan kekraban masih kekal dalam kalangan penduduknya yang berbilang kaum dan ini menjadi salah satu keunikan Kampung Senukoh yang menjadi daya tarikan utama untuk pengunjung luar berkunjung ke kampung berkenaan secara berterusan.

Salah seorang pengunjung, Dayang Siti Salwana binti Juni berasal dari Kampung Rimba semasa ditemui berkata, hasrat kunjungannya ke pesta itu semata-mata bagi menyaksikan sendiri keunikan gaya hidup masyarakat Kampung Senukoh yang berbilang kaum.

Tambahnya, pengalamannya yang pertama dengan menyaksikan dan berpeluang menyertai aktiviti mengamping padi secara tradisi itu baginya sangat unik.

Selain itu, beliau juga tertarik dengan beberapa jenis makanan tradisi yang dipamerkan oleh MPM / MPK dan kagum dengan persembahan kebudayaan tarian masyarakat Murut di samping keunikan pakaian tradisional yang dipakai oleh



PENYELARAS Pesta Senukoh Kali Ke-2, Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba berkata objektif utama penganjuran pesta adalah bagi mengeratkan silaturahmi serta meningkatkan perpaduan dalam kalangan penduduk kampung.

para penarinya.

Dayang Siti Salwana turut memuji persefahaman erat yang terjalin dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di kampung tersebut dan berminat untuk berkunjung lagi jika pesta seumpamanya diadakan pada masa akan datang.

Pesta berkenaan turut diserikan dengan persembahan kebudayaan masyarakat Murut iaitu Tarian Alai Ngapu Lun Rayeh.

Pelbagai aktiviti disusun di pesta itu antaranya Sudut Jamu Selera Mee Senukoh, persembahan aktiviti mengamping daripada masyarakat Kedayan, persembahan kebudayaan dari masyarakat Murut, Pertandingan Masakan Mee Senukoh, Pameran dan Jualan Satu Kampung Satu Produk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong, Pameran dan Jualan Produk-Produk Kampung Senukoh serta pelbagai acara sukan mini dan hiburan untuk semua peringkat umur.

Turut menarik perhatian di pesta kali ini ialah penyertaan daripada pihak NBT Brunei Sendirian Berhad yang mengadakan pameran model-model terbaru kereta jenama Toyota serta tunjuk cara masakan Mee Senukoh daripada pakar masakan atau cef dari salah sebuah hotel terkemuka di negara ini.

HASRAT NEGARA

Sambutan Jubli Emas : Wadah memantapkan keharmonian bernegara

Dari muka 2

Pada hemat saya, pelaksanaan persediaan bagi acara-acara sambutan tersebut sebaik-baiknya siap diselenggarakan pada bulan Ogos tahun ini.

Ini adalah bertujuan bagi memberikan ruang untuk pelaksanaan dan penyelarasan perkara-perkara yang berkaitan misalnya raptai acara-acara sambutan dan seterusnya melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang perlu.

Oleh itu, Jawatankuasa Tertinggi khususnya

Jawatankuasa Sektorial hendaklah bijak dan teliti dengan sentiasa mengamalkan aspek berhemah dalam setiap perancangan masing-masing.

Apa yang mustahak di sini ialah pelaksanaan setiap acara haruslah menepati dan tidak tersasar dari perancangan serta cadangan perbelanjaan yang telah dipersetujui sejak awal lagi.

Kita juga perlu melakar strategi komunikasi yang berkesan yang berupaya menarik penglibatan segenap lapisan rakyat dan

penduduk dalam acara-acara sambutan, khususnya golongan belia, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Tidak terkecuali ialah sektor swasta khususnya pihak media, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, semua ketua jabatan, penghulu dan ketua kampung dapat memberikan galakan dan menayakan Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda nanti.

Akhirnya, selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas ini, adalah

menjadi harapan saya supaya Ahli-Ahli Jawatankuasa di permesyuaratan pada pagi ini akan dapat bersama-sama memberikan pandangan dan pendapat yang *constructive*, semata-mata bagi membisakan, memeriahkan dan memastikan kualiti serta kesempurnaan acara-acara Sambutan Jubli Emas Paduka Ayahanda Menaiki Takhta yang akan menjelang nanti.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah. Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

Bandarku Ceria hidupkan suasana ibu negara

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMILIK Mixed Mortal Arts Academy (MMAA), Awang Haji Ismady bin Haji Hussin ketika ditemu bual Pelita Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Aktiviti-aktiviti Program Bandarku Ceria di Bandar Seri Begawan (BSB) terus dihidupkan dengan suasana hujung minggu yang sangat segar dengan melakukan

pelbagai kegiatan bersama keluarga dan kawan-kawan seperjuangan.

Seawal pagi mereka sudah berduyun-duyun untuk berkunjung ke ibu negara untuk sama-sama mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti sukan serta riadah bersama keluarga juga kawan-kawan sambil menikmati suasana pagi.

Pelbagai penglibatan warga emas, belia-belia dan kanak-kanak memeriahkan lagi Bandarku Ceria tersebut dengan melakukan aktiviti berbasikal, berjalan kaki, senamrobik, berjoging, tinju, *Death Match* selain aktiviti bermain *bouncer* dan sebagainya.

Program Bandarku Ceria yang diadakan setiap minggu bertujuan untuk menghidupkan suasana dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik dan unggul.

Pemilik Mixed Mortal Arts Academy (MMAA), Awang Haji Ismady bin Haji Hussin dalam temu bual Pelita Brunei menyatakan Bandarku Ceria bukan sahaja memberi peluang kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti, tetapi memperlihatkan bakat masing-masing.

Jelasnya, tujuan Zero One Eight MMAA ditubuhkan adalah



AKTIVITI berjoging antara yang mengisi Program Bandarku Ceria.

untuk memperkenalkan seni bela diri bagi tujuan menjaga kesihatan dan pada masa ini MMAA kini mempunyai seramai 200 orang ahli.

Sehubungan itu, orang ramai yang berminat untuk menyertai aktiviti seni bela diri itu bolehlah berkunjung ke Bangunan Industri Abracao, Lambak

dengan membuat pendaftaran sebanyak BND50 bagi lapan sesi dalam masa empat bulan, iaitu dua kali seminggu.



PENGLIBATAN belia-belia memeriahkan lagi Bandarku Ceria.

Kegiatan riadah kian bertambah



PENJUAL Ice Goyang Ceria ketika melayan pelanggannya.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Sejak Program Bandarku Ceria mula diperkenalkan, program tersebut terus mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak terutama para peniaga yang mencari pendapatan serta orang ramai yang ingin mengisi masa lapang mereka dengan melakukan aktiviti riadah hujung minggu lebih-lebih lagi bersama keluarga.

Sesuai dengan pengisytiharan Bandar Seri Begawan sebagai Bandar Kebudayaan ASEAN 2016 - 2017, Program Bandarku Ceria yang berlangsung di ibu negara ini dan menjadikan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin sebagai fokal utama tempat berniaga mahupun memulakan pelbagai aktiviti yang dirancang bersama keluarga.

Tinjauan Pelita Brunei jelas menyaksikan pelbagai aktiviti, kegiatan riadah ataupun perniagaan kian bertambah sejak ia diadakan, yang mana antara acara yang berlangsung ialah Pertandingan Suara Burung, Perlawanan Boxing, aktiviti

senamrobik, riadah berbasikal, bejalan kaki, berlari, keriangan kanak-kanak bermain pelbagai jenis permainan bouncer, *meet-and-greet* bersama maskot-maskot kartun seperti My Little Pony, Elmo, Princess Sofia, Olaf, Minion dan lain-lain, permainan nerf-gun dan bermacam-macam lagi.

Dalam pada itu, aktiviti berbasikal masih lagi menjadi pilihan utama pengunjung Bandarku Ceria, yang mana mereka boleh menyewa pelbagai jenis basikal termasuk basikal yang mempunyai dua mahupun tiga tempat duduk yang tersedia atau membawanya sendiri untuk menyelurusi jalan yang ditutup oleh pihak berkuasa seawal jam 6.00 pagi lagi dengan rasa selamat, tenang serta merehatkan minda, di samping melakukan riadah lainnya.

Sementara di ruang lain sekitar Taman Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin pula dibanjiri dengan pelbagai jenis jualan terdiri dari jualan yang berbentuk pakaian, makanan, minuman, aksesori, kasut, pakaian sukan, barang-barang permainan



BERBAGAI-BAGAI jualan kelihatan memeriahkan suasana Bandarku Ceria pada setiap hujung minggu.

kanak-kanak, buah-buahan, *garage-sale* dan banyak lagi yang mampu menarik perhatian para pengunjung yang datang.

Para belia kita juga tidak ketinggalan melibatkan diri secara aktif, yang mana mereka yang menjalankan perniagaan mereka secara *online* mula memunculkan diri di petak-petak perniagaan di sekitar bandar dengan menjual barangan mereka secara mingguan, selain ia juga memudahkan bagi para pelanggan mereka untuk membuat tempahan secara terus dan membuat *meet-point* secara mingguan di pusat bandar tersebut.

Program Bandarku Ceria merupakan inisiatif dalam menceriakan ibu kota negara dengan menyajikan pelbagai program atau aktiviti yang sesuai bagi meluangkan masa bersama keluarga di hujung minggu, yang mana pelbagai pihak turut menyambut baik inisiatif tersebut sama ada dari agensi kerajaan mahupun swasta dan tidak terkecuali sambutan yang menggalakkan daripada orang awam.

Rata-rata para pengunjung mahupun pihak peniaga melahirkan pendapat

bahawa aktiviti riadah Bandarku Ceria seumpama ini perlu diteruskan sampai bila-bila kerana selain memberikan peluang kepada keluarga untuk keluar beriadah, program sebegini juga boleh mendukung ke arah cara hidup yang lebih sihat dengan penganjuran pelbagai acara seperti senamrobik, larian dan sebagainya.

Program yang meliputi penglibatan daripada semua peringkat umur ini juga selain turut memberikan peluang bagi kita menunjukkan budaya rakyat Negara Brunei Darussalam yang mengutamakan hubungan kekeluargaan dan gaya hidup yang seimbang, kita juga sama-sama berganding bahu menjaga kebersihan persekitaran kawasan bandar.

Orang ramai yang hadir memeriahkan bandar pada setiap minggu di mana sahaja mereka berada di setiap jalan-jalan riadah atau aktiviti sekalipun yang berada di kawasan taman sering diingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan taman juga kawasan-kawasan bandar sekitarnya dengan baik dan bersih serta membuang sampah-sampah di tempat-tempat pembuangan sampah

yang telah disediakan.

Kerjasama orang ramai dengan pihak-pihak yang berkenaan adalah sangat diharapkan memandangkan aktiviti Bandarku Ceria ini melibatkan penganjuran pelbagai jenis aktiviti yang turut melibatkan ramai pihak termasuk para peniaga dan pengunjung.

Dari itu, setiap warga dan masyarakat yang terlibat perlulah berganding bahu menandai tanggungjawab bersama untuk sentiasa memastikan kebersihan taman serta kawasan sekitar bandar terjaga bersih serta teratur semasa dan setelah tamatnya aktiviti berlangsung.

Namun dalam melakukan sebarang aktiviti riadah ini, orang ramai khususnya ibu bapa dan penjaga juga turut diingatkan untuk sentiasa memastikan keselamatan keluarga terutama kanak-kanak kecil, yang mana dalam beriadah kita perlu sentiasa peka tentang keberadaan anak-anak agar mereka tidak berada terlalu jauh dari pandangan mata ataupun pengawasan ibu bapa ataupun bermain di tempat-tempat yang membahayakan serta boleh mengancam keselamatan.



PERMAINAN bouncer antara yang menarik perhatian pengunjung kanak-kanak Bandarku Ceria.



KELIHATAN orang ramai mengerumuni seorang peniaga yang menjual pelbagai jenis koleksi jam tangan.

Lebih 700 pengunjung saksikan Pameran Jejak Warisan



PELANCONG dari dalam dan luar negara melihat pameran-pameran mengenai tempat-tempat yang menarik di Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah).



PUSAT Maklumat Pelancong yang terletak di Bangunan Galeri Seni Dermaga Diraja di Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Sejak mula dilancarkan pada 7 Januari lalu, pameran Jejak Warisan dan pameran karya-karya seni lukis yang bertemakan Tanah Airku Permai telah dikunjungi oleh lebih 700 pengunjung dari luar dan dalam negara.

Pameran berlangsung di Bangunan Galeri Seni, Dermaga Diraja di ibu negara sehingga 31 Januari 2017.

Jejak Warisan Brunei Darussalam merupakan eksplorasi budaya melalui penerokaan jejak warisan monumen-monumen yang diwartakan di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967, Semakan 1984, 1991 dan 2002.

Antara lokasi Jejak warisan Brunei Darussalam di sekitar Bandar Seri Begawan adalah Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bangunan Kastam dan

Eksais Bangunan Lapau Lama, Gerbang Perpuspaan 1968, Tugu Jam, Bangunan Dewan Majlis dan Masjid Omar 'Ali Saifuddin serta Bahtera Mahligai.

Setiap monumen yang diwartakan di ibu negara telah menyaksikan pelbagai perkembangan kebudayaan dan kesenian, di mana Sungai Brunei itu menandakan kepentingan politik, ekonomi dan sosiobudaya negara.

Sejarah Bandar Seri Begawan mula dikesan seawal abad Ke-7, apabila sekumpulan pendatang menubuhkan sebuah kampung di sepanjang Sungai Brunei yang dipanggil Kampong Ayer, peninggalan dari masa silam ini masih wujud sehingga ke hari ini.

Ibu Kota Brunei pada zaman dahulu dipercayai terletak di Kota Batu, penduduknya menyara kehidupan mereka melalui aktiviti perdagangan dan menangkap ikan.

Dari sebuah perkampungan nelayan, kawasan tersebut mula membentuk dan membangun hingga dikenali sekarang sebagai Bandar Seri Begawan.

Sementara itu, Pameran Tanah Airku Permai sesuai dengan tema kebudayaan dan keindahan Negara Brunei Darussalam menentengahkan lebih daripada 30 buah lukisan-lukisan karya artis-artis tanah air yang terdiri daripada pelukis-pelukis Jabatan Muzium-Muzium.

Antara yang diketengahkan adalah potret-potret Keluarga Diraja, perlawanan tarik kalat yang merupakan sukan tradisi Brunei sejak dahulu lagi, sekitar Sungai Brunei dan Kampong Ayer, aktiviti Padian yang telah hilang ditelan zaman, makanan tradisi Brunei, dan sebagainya yang jelas menggambarkan keindahan kebudayaan masyarakat Brunei.

Setiap pelukis mempunyai interpretasi yang berbeza, namun masing-masing berusaha untuk menggambarkan identiti kebruneian melalui kanvas, sekali gus menghayati semangat cinta mereka pada bangsa dan negara tercinta.

Di bangunan tersebut juga terdapat Pusat Maklumat Pelancong yang menentengahkan produk-produk pelancongan yang sedia ada di Kampong Ayer dan Bandar Seri Begawan, di samping untuk meningkatkan lagi usaha ejen-ejen pelancongan agar lebih aktif



PENGURUS Mark Putera Delima Tour, Wan Zunaidah binti Ariff dan suaminya, Awang Markim bin Haji Rahman ketika ditemui Pelita Brunei.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

memasarkan produk-produk pelancongan, sama ada dalam negara juga antarabangsa.

Para pengunjung yang berkunjung ke sana terutama sekali para pelancong dari luar negara bolehlah menyaksikan pameran sekali gus mendapatkan pakej lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini.

Pelita Brunei telah menemu bual Pengurus Mark Putera Delima Tour, Wan Zunaidah binti Ariff yang menawarkan lebih enam pakej kepada pelanggannya seperti Kampong Ayer Tour, Kampong Ayer Night Tour, Brunei Night River Safari, Mangroves River Safari, Night City Tour dan Half Day City Tour.

Menurutnya, antara pakej-pakej yang ditawarkan, yang paling diminati oleh para pelanggan kami ialah Kampong Ayer Tour dan Mangroves River Safari, di mana para pelancong dibawa bersiar-siar melihat legasi suasana Kampong Ayer dengan menyusuri Sungai Brunei dan berpeluang melihat kehidupan liar semula jadi seperti Proboscis Monkey dengan menaiki bot pelancong.

"Pakej ini bukan sahaja untuk para pelancong dari luar negara, tetapi juga ditawarkan kepada pengunjung tempatan yang berminat untuk menyaksikan keistimewaan warisan budaya Brunei," jelasnya.

Menyentuh mengenai pameran yang sedang berlangsung, suami beliau, Awang Markim bin Haji Rahman berpendapat ia merupakan satu inisiatif yang sangat baik dari pihak kerajaan untuk mempromosi Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya Pusat Maklumat Pelancong tersebut ditambahnya, ia akan memudahkan lagi para pelancong yang berkunjung ke negara ini untuk mendapatkan maklumat mengenai tempat-tempat yang menarik dan kemudahan-kemudahan pelancongan di negara ini.

Bagi orang ramai yang ingin mengunjungi pameran di Galeri Seni tersebut, waktu operasinya adalah bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang bagi setiap Isnin hingga Ahad, kecuali Jumaat, 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang.



Karnival Cinta Rasul terima ribuan pengunjung



PELBAGAI lapisan masyarakat yang berkunjung sama-sama memeriahkan lagi Karnival Cinta Rasul.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PERADUAN MEWARNA antara aktiviti yang mendapat sambutan pada Karnival Cinta Rasul.

BERAKAS, Ahad, 29 Januari. - Karnival Cinta Rasul yang berlangsung dengan meriah di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bermula pada 26 Januari lalu dan menutup tirainya pada hari ini.

Ribuan pengunjung dari dalam negara dan negara jiran telah hadir bagi sama-sama memeriahkan karnival selama empat hari anjuran Battle Pro Marketing and Management Services (BattleProMMS) dengan sokongan penuh dari Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu.

Acara utama yang menjadi tarikan para pengunjung hari terakhir karnival adalah Peraduan Membaca 3 Selawat Utama, yang mana peraduan tersebut

melibatkan kanak-kanak dan remaja Muslimin serta Muslimah di bawah usia 15 tahun.

Acara seterusnya adalah Irama Dakwah yang merupakan persembahan nasyid oleh Kumpulan Qaisaratuzzahra.

Pada hari terakhir itu, Pengurus Projek Kecil BattleProMMS, Awang Mohamad Syukri bin Jamil menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang berlangsungnya karnival berkenaan.

Bagi Peraduan Tulisan Jawi, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Airra Watrisyah binti Jasmi, tempat kedua oleh Awang Mohammad Darwish Ar-Rizqiyyan, manakala Dayang 'Aliyah Nur Fathiah binti Abdullah



PENGURUS Projek Kecil, Awang Mohamad Syukri bin Jamil (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat kedua bagi Pertandingan Dikir Daiba'ie, Kumpulan Firqah Khairal Khalil. - Foto : Ihsan BattleProMMS.

Hasazaman mendapat tempat ketiga.

Sementara itu, pemenang bagi Peraduan Teka Nama Surah, Awang Julazni bin Haji Zaini telah berjaya membawa pulang iPhone. Manakala bagi aktiviti Hijahiyah : Bina Perkataan adalah Awang Md. Zul Haffiq bin Md. Zhulaidi yang memenangi hadiah wang tunai.

Awang Muhammad Nurhidayatullah Al-Mu'min bin Awang Rosman telah memenangi tempat pertama bagi Pertandingan Menghafal Surah Al-Mulk, manakala Dayangku Widad Aiman binti Pengiran Haji Mohammad Hasimuddin dan Dayang Hajah Syafiqah Arfini binti Haji Mohd. Arriffen masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Dalam pada itu, Pertandingan Dikir Daiba'ie yang telah berlangsung pada 28 Januari dijuarai oleh Kumpulan Al Falaah, diikuti dengan Kumpulan Firqah Khairal Khalil sebagai naib

juara dan Kumpulan Nurul Muzayyan di tempat ketiga.

Johan bagi Peraduan Membaca 3 Selawat Utama ialah Dayang Nurunnajwa Halimatus Rabeatul Saiedah binti

Huzaimi, naib johan disandang oleh Awang Abdul Hadi Muaiyyad bin Haji Azrol dan tempat ketiga diraih oleh Dayang Nurunnajwa Salsabeela Haji Md. Khairul Azmy.



GERAI-GERAI jualan yang mengambil bahagian pada Karnival Cinta Rasul.

Generasi muda perlu ketahui sejarah negara



SALAH seorang pengunjung yang melawat ke Galeri Pameran Pusat Sejarah.



PENGUNJUNG dari luar negara turut tidak melepaskan peluang melawat Galeri Pameran Pusat Sejarah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Januari. - Galeri Pameran Pusat Sejarah Brunei (PSB) diharapkan akan dapat menanam perasaan serta menguatkan rasa kecintaan juga taat setia rakyat dan penduduk di negara ini kepada raja, agama, bangsa serta negara khususnya generasi muda.

Ia juga merupakan satu usaha PSB ke arah penambahbaikan dan menambah nilai pada galeri-galeri pameran pusat tersebut yang sedia ada supaya lebih berinformasi, menarik dan menyeronokkan untuk dikunjungi

oleh para pelawat dalam juga luar negara.

Pelita Brunei meninjau ke PSB pada Jumaat kelmarin dan berkesempatan menemu bual Marivic Estopito, 47, seorang warga asing dari Republik Filipina yang datang ke negara ini untuk melawat sahabat-handai yang bekerja di sini berkata, beliau sememangnya gemar melawat ke tempat-tempat menarik atau berkunjung ke galeri pameran mengenai sejarah sesuatu negara yang beliau kunjungi.

Menurut beliau, mengetahui asal

usul serta sejarah masa lampau sesebuah negara itu merupakan sesuatu yang sangat mengujakannya dan berharap agar selepas ini beliau berpeluang untuk melawat ke tempat-tempat bersejarah yang lain di negara ini.

Sementara itu, bagi Awang Mohammad Kamarul Ariffin bin Mohammad Salleh, 28, dari Kampung Mentiri berkata, adalah penting untuk beliau pada masa kini untuk mengetahui serta mempelajari sejarah negara.

Mengingati kegemilangan zaman

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

keemasan Kesultanan Brunei dan mempelajari kejayaan bangsa juga negara pada waktu tersebut tegasnya, boleh dijadikan perangsang untuk memacu kemajuan negara.

Beliau seterusnya menekankan bahawa sejarah sangat penting dalam kehidupan sebagai panduan dan iktibar kepada kita untuk memperbaiki kesilapan masa lalu

bagi membolehkan kita mencipta kejayaan yang lebih gemilang.

Galeri itu dibuka untuk orang ramai setiap hari bermula jam 8.30 pagi hingga 4.15 petang kecuali Jumaat bermula 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 4.30 petang, manakala akan ditutup pada Ahad dan Hari Kelepasan Awam.

Patuhi syarat melaksanakan ibadat

Oleh :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Januari. - Hidup di dunia ini mempunyai tujuan dan matlamat yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana tersebut di dalam Al-Quran bahawa matlamat hidup manusia di muka bumi ini adalah untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang dimaksudkan ibadat adalah amat luas, ia bukan sahaja bermakna mengerjakan puasa, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan ibadat haji atau sebagainya, akan tetapi ibadat yang dimaksudkan di dalam ayat di atas adalah ibadat umum sebagaimana yang telah ditakrifkan oleh para ulama, iaitu ibadat yang meliputi segala bentuk aktiviti dengan harapan untuk mendapatkan keredaan, kasih sayang dan rahmat daripada Allah Subhanahu

Wata'ala sama ada dalam bentuk perbuatan atau ucapan yang zahir mahupun yang batin. Semuanya itu adalah ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam kandungan Khutbah Jumaat yang dilaungkan kepada sidang jemaah baru-baru ini di kesemua masjid di seluruh negara.

Perisian Khutbah Jumaat juga mempersoalkan adakah pernah terlintas dalam hati kita apakah ibadat yang kita lakukan selama ini diterima ataupun tidak? Maka, tidak ada seorang pun yang dapat menjamin hal ini, sehingga setiap orang Islam atau seorang Mukmin itu akan sentiasa beramal dengan perasaan berharap dan cemas.

Di mana ia berharap agar mendapat

MEREKA yang menerima pemberian itu wajib bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah hasil daripada usaha atau amal ibadat yang telah kita lakukan itu menyebabkan kita menjadi sombong, bangga diri dan riak. Akan tetapi dengan hasil usaha dan amal ibadat kita itu boleh dimanfaatkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat seperti menyeru berbuat amal makruf dan mencegah perbuatan mungkar.

keredaan Allah Subhanahu Wata'ala serta janji-janji yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran dan ia juga mempunyai perasaan cemas kalau-kalau ibadatnya tidak diterima.

"Oleh itu, perasaan berharap dan cemas itu adalah merupakan dorongan bagi setiap Mukmin untuk mempertingkatkan amal makruf atau ibadat mereka dari semasa ke semasa dan membolehkan ia bermunajat dan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu sebagai benteng diri kita daripada melakukan perkara yang mungkar, dosa dan maksiat.

"Dalam kita melaksanakan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Jika sekiranya amalan-amalan kita tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka ia hanya akan menjadi perbuatan yang sia-sia sahaja," tegasnya.

Antara syarat-syarat yang dimaksudkan adalah niat amat penting sebelum melaksanakan sesuatu perkara. Dengan niat boleh membezakan antara amal ibadat dengan amalan biasa atau adat, begitu juga antara amalan-amalan yang diniatkan kerana Allah Subhanahu Wata'ala atau niat kerana yang lain-lain. Supaya setiap perbuatan menjadi amal ibadat, ia mesti diikuti dengan niat yang betul, iaitu niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua ialah amal yang dibuat tidak melanggar hukum syarak ertinya jika kita berniaga pastikan barang jualan itu adalah halal dan mengikut peraturan syarak mahupun undang-undang negara seperti hindari daripada menjual makanan dan minuman yang haram, barang curi, barang palsu,

barang-barang subahat, barang-barang yang ditegah oleh pihak kastam dan sebagainya.

"Ketahuilah jualan yang melanggar syarak atau negara, walaupun dengan niat yang betul sekalipun namun amalan tersebut tidak akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Pelaksanaan di dalam setiap perkara mestilah mengikut peraturan-peraturannya. Lebih-lebih lagi jika kita ingin melakukan ibadat, kita haruslah mendalami peraturan itu supaya itu benar-benar berada di atas landasan syariat yang Allah Subhanahu Wata'ala telah tetapkan," jelas kandungan Khutbah Jumaat lagi.

Amalan hendaklah dilakukan dengan penuh kesungguhan merupakan perkara yang ketiga, iaitu untuk memastikan amalan tersebut menjadi ibadat, ia perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tekun.

"Umpamanya seorang pegawai yang ingin menjadikan pekerjaannya itu sebagai ibadat, maka perlulah ia bekerja dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Begitu juga dalam melakukan amal ibadat seperti bersembahyang dan berdoa ia hendaklah dilakukan dengan tekun dan perasaan yang penuh khusyuk dan tawaduk. Di samping itu, kita janganlah mudah berputus asa dengan doa yang belum dimakbulkan," tambahnya lagi.

Keempat ialah natijah yang memberi manfaat. Natijah merupakan hasil usaha seseorang. Hasil itu mestilah baik kerana ia merupakan pemberian Allah Subhanahu Wata'ala ataupun nikmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya.

Mereka yang menerima pemberian itu wajib bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah hasil daripada usaha atau amal ibadat yang

telah kita lakukan itu menyebabkan kita menjadi sombong, bangga diri dan riak. Akan tetapi dengan hasil usaha dan amal ibadat kita itu boleh dimanfaatkan kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat seperti menyeru berbuat amal makruf dan mencegah perbuatan mungkar.

Manakala kelima ialah tidak meninggalkan ibadat asas. Untuk menjadikan amalan seharian kita menjadi suatu ibadat, kita jangan pula melupakan dua perkara utama yang menjadi asas ibadat, iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam. Yang mana ia merupakan sandaran untuk menegakkan amalan-amalan yang lain. Jangan disebabkan terlalu sibuk berniaga menyebabkan kita melalaikan dan meninggalkan sembahyang fardu, tidak berpuasa di bulan Ramadan, tidak mengeluarkan zakat, tidak menutup aurat, terlibat dengan pergaulan bebas dan seumpamanya.

"Dalam menunaikan kewajipan kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala di muka bumi ini, marilah kita sama-sama muhasabah diri sejauh mana kita dapat mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berbuat amal kebajikan di dunia ini dan sejauh mana amal ibadat yang telah kita lakukan selama ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Semoga kita dapat menjalani kehidupan beramal ibadat di dunia ini dengan penuh keikhlasan, tawaduk dan rasa penuh ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita berdoa semoga amal ibadat yang telah kita lakukan akan diterima dan mendapat taufik hidayah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Yaa Rabbal Alamin," demikian jelas Khutbah Jumaat tersebut memberikan peringatan.

سورة التوبة

شرط دالم ملقسناكن عمل عبادة

مخشوع دان نواضع. دمشفغ ايت كيت حاضله توده برقوقوس اما دغن دعاه بع بلوم دمقبولكن.

سيدر، كلوارك، مشاركة دان نكارا سفرت مبرو برووات عمل معروف دان منحهكه فربواتن منكر.

كليم: تيدق منيفكلكن عبادة املس.

انتوق منهاديكن عمالن سهارين كيت منهادي سوات عبادة، كيت حاجن فول ملوقاكن دوا فركارا اوتام بع مسحاوي املس عبادة بايت روكون لمان دان روكون اسلام. بع ماك اي مروفاكن سندارن انتوق منيفكلكن عمالن ٢ بع لاي. حاجن دسيكن ترلالو سيوق برتياك ميبسكن كيت ملايكن دان منيفكلكن سبهيغ فرض، تيدق برقوقوس ديولن رمضان، تيدق مغلواركن زكاف، تيدق منوتوق عور، لرايست دغن فركاؤلن نيسي دان ساومقامن.

مسلمين بع درحمتي الله.

دالم منويكن كواحقن كيت سباكي عيا الله سبحانه وتعالى دموكا بومي اين، ماريله كيت سام ٢ محاسبه ديري سحاوه مان كيت ذاقه مقبعلدكن ديري كقد الله سبحانه وتعالى دغن برووات عمل كيايحقن ددنيا اين دان سحاوه مان عمل عبادة بع تله كيت لاكوكن سلاما اين اكن ذريعا اوله الله سبحانه وتعالى. سووك كيت ذاقه منحلالي كهيدوقن برعمل عبادة ددنيا اين دغن قنوه كياخلاص، نواضع دان راس قنوه كفقوان كقد الله سبحانه وتعالى. ماريله كيت بردعاه سووك عمل عبادة بع تله كيت لاكوكن اكن دترتيا دان مندافة توفيق هدايه دان رحمة درقد الله سبحانه وتعالى. امين يا رب العالمين.

كامفة: تبهه بع مموري منفعه.

نتبهه مروفاكن حاصل اوسها سنورغ. حاصل ايت مستيله بايك كران اي مروفاكن فميرين الله سبحانه وتعالى اتوفون نعمتن كقد همبا ٢٠. مريك بع مرتيا فميرين ايت واجب برشكور كقد الله سبحانه وتعالى. حاجنله حاصل درقد اوسها اتو عمل عبادة بع تله كيت لاكوكن ايت ميبسكن كيت منهادي سومورغ، يفاكا ديري دان ربا. اكن تئالي دغن حاصل اوسها داك عمل عبادة كيت ايت بوله دمفتعكن كقد ديري

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَحْدَهُ

فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُفْرِكْ

بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

صدق الله العظيم

{ سورة الكهف آية: ١١٠ }

تفسون:

كاتكله: سفقوهن اكو هابه سفورغ مانسي سفرت كامو، دوسيركن كقد كو بهوا توهن كامو لاله توهن بع مها اسا مك سيات بع مفارفكن فرمون دغن توهن، هندقله دي مفارحاكن عمالن صالح دان حاجنله دي مفارسكورون توهن دغن سيات فون دالم برعبادة كقدان.

تارك الله لنا في الفرة ان العظيم، ونفعا باليات والذكر الحكيم. وتقلل منا بلاؤته إنه هو الشميع العظيم، وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولستأثر المسلمين والشقيقات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروا فإنا فوز المستغفرين وبإجابة القائلين.

مماس كسماس ذال مبولكن اي برماجه دان مندكتكن ديري كقد الله سبحانه وتعالى دمشفغ ايت سباكي يتشفغ ديري كيت درقد ملاكوكن فركارا بع منكر، دوسا دان معصية.

دالم كيت ملقسناكن عبادة كقد الله سبحانه وتعالى كيت مستيله ماموهي شرط ٢ بع تله دتفقن اوله شريعة اسلام. حك سكيوان عمالن ٢ كيت تيدق مفيكوت شرط ٢ بع تله دتفقن، مك اي هان اكن منهادي فربواتن بع سبا ٢ سهاج. انتارا شرط ٢ بع دمقصودكن اداله سفرت برايكوت:

قرتام: نية.

نية أمة فتشفغ سيلوم ملقسناكن مسوات فركارا. دغن نية بوله ميبلاكن انتارا عمل عبادة دغن عمالن بهاس اتو عبادة، بكتبو حوك انتارا عمالن ٢ بع ديتكن كران الله سبحانه وتعالى اتو نية كران بع لاي ٢. سفاي ستيف فربواتن منهادي عمل عبادة، اي مسني ديكوتي دغن ليه بع بتول بايت نية اخلاص كران الله سبحانه وتعالى.

سيدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:

سَيِّئَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

وَأِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى...

{ رواه الإمام البخاري }

مقصودن:

درقد امير المؤمنين ابي حفص عمر بن الخطاب رضي الله عنه دي بركات، اكو مندغر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا: سفقوهن ستيف فربواتن تركتوش نبتن. دان سفقوهن ستيف اورغ اكن دبالن برماسركن اف بع اي نيتكن.

كنوا: عمل بع ديوات تيدق ملفكر حكوم شرع.

حك كيت برتياك فسيتكن بارغ جوانن ايت اداله حلال دان مفيكوت فراتورن شرح ماهوقون اوندغ ٣ نكارا سفرت هنداري درقد منحوال مكان دان منيومن بع حرام، بارغ جوري، بارغ فليسو، بارغ ٢ شهيه، بارغ ٣ بع دتكه اوله قهون كسبم دان سلاكن. كتهويله جوانن بع ملفكر فراتورن شرع اتو نكارا، والوقون دغن ليه بع بتول سكاليفون نامون عمالن رسيوت تيدق اكن دترتيا اوله الله سبحانه وتعالى، فلقساك ددالم ستيف فركارا مستيله مفيكوت فراتورن ٥٧. ليه ٢ لايي حك كيت ليقن ملاكوكن عبادة، كيت خاروسله مندالي فراتورن ايت سفاي كيت بر ٢ براد دانسي لندمن شريعه بع الله سبحانه وتعالى تله تفتكن. ساكسان فريباقن الله سبحانه وتعالى دالم سورة العنكوت آية ٦٩

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهَبِيَنَّهُمْ سُكُنَاتُنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

صدق الله العظيم

تفسون:

دان اورغ ٢ بع برجهاد اتوق كامو، كامو نتو اكن منحقوقن كقد مريك جانن ٢ كامو. دان سفقوهن الله بر ٢ برسرت اورغ ٢ بع برووات كيايكن.

حكك: عمالن هندقله دلاكوكن دغن قنوه كسفكوهن.

انتوق مستكن عمالن رسبوت منهادي عبادة، اي فرلو دلاكوكن دغن برسكوه-سكوه دان تكون. اومقامن سنورغ فكاوي بع ليقن منهاديكن فركارانن ايت سباكي عبادة، مك فرلولة اي بكرج دغن اخلاص دان برسكوه ٢. بكتبو حوك دالم ملاكوكن عمل عبادة سفرت برسبهيغ دان بردعاه اي هندقله دلاكوكن دغن تكون دان فراسان بع قنوه

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَتَوَكَّلْتُ عَلَيْهِ، وَتَعَوَّذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ هَذَا الرَّسُولِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ:

معاشر المسلمين رحمكم الله،

أوصيكم وإياي بتقوى الله وطاعته لعلكم ترضحون.

قال الله تعالى:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ

وَلَا تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

صدق الله العظيم

{ سورة آل عمران آية: ١٠٢ }

مسلمين بع درحمتي الله

ماريله كيت منيفكلكن كفقوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن قنوه كيقين دان كياخلاص دغن ملاكوكن شكل سوروهن دان منيفكلكن شكل لاراغن. مدهمداهن كيت منهادي ايتسان بع بريمان دان برتقوي سرت سلامة ددنيا دان سلامة داخرة.

مسلمين بع درحمتي الله.

هيدوق ددنيا اين مفلوي توجوان دان متلامت بع تله دتتوكن اوله الله سبحانه وتعالى، سباكيان ترسوت ددالم القرعان بهوا متلامت هيدوق مانسي دموك بومي اين اداله انتوق برعبادة كقد الله سبحانه وتعالى سباكيان قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الناربات آية ١٥٦

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِي

صدق الله العظيم

تفسون:

دان اكو تيدق منيفكلكن حن دان مانسي ملايكن هان اتوق ميميه كو.

سفقوهن بع دمقصودكن دغن عبادة ترسوت اداله أمة لواس، اي بوكن سهاج برمنا مفارحاكن فواس، مندريكن سبهيغ، مغلواركن زكاف، منويكن عبادة حاج اتو ساكن. اكن تئالي عبادة بع دمقصودكن ددالم آية دانسي اداله عبادة حوم سباكيان بع تله دلغريفكن اوله فارا علماه بايت عبادة بع مليقوتي شكل بتوق اكيبني دغن هارن اتوق مندفتكر كريبهان، كاسبه سايع دان رحمة درقد الله سبحانه وتعالى ساد دالم بتوق فربواتن اتو اوجاقن بع ظاهر ماهوقون بع باهن. جوانن ايت اداله عبادة كقد الله سبحانه وتعالى.

اداكه فرنه ترلنتس دالم هاتي كيت الكه عبادة بع كيت لاكوكن سلاما اين دترتيا اتوقون تيدق؟ مك، تيدق اد سنورغ فون بع ذاقه منحلالي حال اين، منهيغك ستيف اورغ اسلام اتو سنورغ مؤمن ايت اكن سنلباس برعمل دغن فراسان برهارق داك جس. دمان اي برهارق اكر مندافة كريبهان الله سبحانه وتعالى سرت جسجي ٢ بع تله دتفقن اوله الله سبحانه وتعالى دالم القرعان دان اي حوك مفلوي فراسان جس كالو ٢ عبادتن تيدق دترتيا، اوله ايت فراسان برهارق دان جس ايت اداله مروفاكن دوروغن باكي ستيف مؤمن اتوق مفارتيفكلكن عمل معروف اتو عبادة مريك ديري

Gilap bakat artis tempatan



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-izzi
Haji Duraman

JERUDONG, Sabtu, 28 Januari. - Konsert Jerudong Park (JP) yang bertemakan 'Music in the Park : The Acoustic Sessions' yang diadakan di Mini Ampiteater JP di sini berjaya menampilkan lebih 500 penggemar seni suara dan muzik.

Konsert pertama pada tahun 2017 ini bertujuan untuk menentengahkan dan menggilap bakat artis-artis tempatan.

JP meneruskan usahanya untuk menjadi destinasi utama Brunei bagi acara hiburan ini dan memberi ruang kepada orang ramai untuk sama-sama berhibur pada musim cuti perayaan dengan menyokong dan menampilkan barisan bakat tempatan seperti Ellewan, FN Duo, Bazilah Baky, The Mahasiswa, Syafiq Abdullah, Nadiatul Volinuski, Zaff Zanin, Clinton Kane, Kala K dan Huwira.

Nabilah Hassan dan Najihah Hassan dua beradik dari Kampung Jerudong ketika ditemui berkata, mereka datang ke sini untuk meluangkan masa dengan anak-anak serta keluarga kerana cuti hujung minggu yang panjang sempena Hari Tahun Baharu Cina selain dapat melihat bakat-bakat tempatan baharu yang hendak mencipta nama.



ANTARA persembahan dari salah sebuah kumpulan.

PERSEMBAHAN daripada artis solo (kiri sekali), manakala gambar kiri, Nabilah Hassan dan Najihah Hassan antara yang hadir menyaksikan persembahan.

Terus berusaha tingkatkan pengajian

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Januari. - Permulaan musim persekolahan 2017 bukan sahaja hari penting untuk para pelajar yang akan meneruskan perjalanan sebagai seorang pelajar ke peringkat seterusnya, malah juga bagi guru-guru untuk meningkatkan usaha ke arah kecemerlangan prestasi pelajar.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama seorang pelajar dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Awang Muhammad Rafie Syazwan bin Muhammad Rusydi berkata, dengan

prestasi rekod Peperiksaan 'A' Level tahun lepas amat mengecewakan sedikit, tetapi berasa bersyukur kerana dengan usaha yang gigih dapat juga memperoleh subjek-subjek yang penting seperti Matematik mendapat 'B', Chemistry 'D' dan Physics 'E'.

Menurutnya, walaupun begitu mengecewakan sedikit kerana peluang agak tipis melanjutkan pengajian ke Universiti Teknologi Brunei untuk mengambil kursus 'Electrical Engineering', tetapi akan berusaha lagi mengambil beberapa subjek untuk

membantu menaikkan mata agar diterima masuk ke universiti itu.

"Dengan adanya bantuan dari kedua-dua ibu bapa, maka dapatlah saya memberikan masa untuk belajar dan sentiasa dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa peperiksaan," jelasnya.

Manakala bagi Dayang Siti Qudsiyah Hafizah binti Norakmal Emha dari Pusat Tingkatan Enam Bukit Beruang Tutong berasa gembira dengan keputusan yang diperoleh kerana ini adalah hasil perjuangan pembelajarannya selama dua tahun.

Menurutnya, hasil kejayaan yang dicapai itu adalah atas dorongan keluarga dan guru-guru yang selalu memberinya motivasi.

"Dengan pengalaman belajar selama peperiksaan, saya lebih suka belajar ketika waktu malam dan di luar (comfort zone) dan insyaaAllah akan meneruskan lagi pelajaran dalam jurusan Usuluddin di peringkat tinggi jika diizinkan," ujarnya.



MUHAMMAD Rafie' Syazwan bin Muhammad Rusydi.



DAYANG Siti Qudsiyah Hafizah binti Norkamal Emha.

"DENGAN adanya bantuan dari kedua-dua ibu bapa, maka dapatlah saya memberikan masa untuk belajar dan sentiasa dapat menumpukan perhatian sepenuhnya semasa peperiksaan,"

- Awang Muhammad Rafie Syazwan bin Muhammad Rusydi

Ristaan Sejarah I : Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Pengiran Haji Abdul Rahman
dengan kerjasama Meja Kandungan Khas Pelita Brunei

SAMBUNGAN

HUBUNGAN DENGAN UNIVERSITI AL-AZHAR

Di peringkat awalnya, setelah IPI dapat berjalan selama tiga tahun untuk menilai kemajuan dan perkembangannya, maka pada tahun 1992, dua orang ahli akademik dan pendidikan Islam yang terkenal telah didatangkan ke Brunei sebagai Pemeriksa Luar dan Penilai Luar terhadap mutu pengajian Islam yang berjalan di institut ini. Mereka ialah Profesor Dr. Muhammad Abd. Raof, bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Kuala Lumpur dan pernah menjadi Pengetua Kolej Islam Malaya dahulu, dan Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh, Rektor Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir. Kedua-duanya berpendapat bahawa mutu pengajian Islam di institut ini adalah baik dan memuaskan sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah pusat pengajian tinggi Islam. Untuk mengukuhkan lagi mutunya, Rektor Al-Azhar telah mencadangkan supaya institut ini ditingkatkan kualitinya dengan mengikuti kurikulum dan *syllabus* Universiti Al-Azhar.

MAJLIS

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM

Cadangan Rektor Universiti Al-Azhar ini telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Institut Pengajian Islam Ke-7 pada 12 Muharram 1413 Hijrah bersamaan 13 Julai 1992 Masihi. Majlis telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan seterusnya majlis mengambil keputusan seperti berikut :

i. Bersetuju mengubah suai sukatan pelajaran Institut Pengajian Islam supaya sesuai dengan cadangan yang dibuat oleh Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh, Rektor Universiti Al-Azhar.

ii. Pelajar Institut Pengajian Islam yang sedang mengikuti Kursus Diploma Pengajian Islam seperti yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus berjalan seperti biasa dan lulusannya akan dianugerahkan Diploma Pengajian Islam.

iii. Bersetuju supaya menambahkan setahun lagi pengajian, iaitu Tahun Empat seperti yang dicadangkan oleh Rektor Universiti Al-Azhar sebagai asas ke arah penubuhan fakulti yang berasingan yang mengeluarkan *Degree*.

iv. Majlis bersetuju supaya pelajar yang lulus peperiksaan di Tahun Tiga bagi Diploma Pengajian Islam dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat 'Baik' (Jayyid) boleh dipertimbangkan untuk melanjutkan pengajian mereka ke Tahun Empat, sebagaimana yang dicadangkan oleh Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh, Rektor Universiti Al-Azhar.

Keputusan di atas telah disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana diambil maklum oleh baginda menerusi warkah Bil. HMPO 45/1987/II bertarikh 13 Ogos 1992. Maka berdasarkan persetujuan Majlis IPI dan perkenan Kebawah DYMM seperti di atas, Institut Pengajian Islam telah menggunakan kurikulum dan *syllabus* Al-Azhar. Perkara ini dilaksanakan sepenuhnya pada Sesi Pengajian 1992 / 93, yang mana bagi Jurusan Syariah kursusnya bermula dari Tahun Pertama mulai bulan Julai 1992 adalah mengikut kehendak Al-Azhar. Pada tahun-tahun berikutnya (1993 dan 1994) ialah bagi Usuluddin dan Lughah Arabiyyah.

PANDANGAN AL-AZHAR

Pada bulan Julai 1994, dalam tugasnya bagi kali kedua didatangkan ke Brunei untuk menjadi

Penilai Luar pada Institut Pengajian Islam, Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh telah membuat satu laporan mengenai kemajuan yang dicapai oleh Institut Pengajian Islam. Laporan tersebut bertarikh 8 Julai 1994 telah dibawa ke Mesyuarat Majlis IPI Kali Ke-12 pada 24 Safar 1415 bersamaan 2 Ogos 1994. Majlis telah bersetuju dengan laporan tersebut yang antara lain mengandungi :

i. Ketiga-tiga jabatan (Jurusan) di Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam layak dinaikkan tarafnya sebagai :

1. Kulliyah Syariah
2. Kulliyah Usuluddin
3. Kulliyah Bahasa Arab

ii. Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam layak untuk dinaikkan tarafnya sebagai sebuah Universiti Islam yang tersendiri.

Dalam pada itu, Majlis IPI dalam mesyuaratnya Kali Ke-12 pada 24 Safar 1415 bersamaan 2 Ogos 1994 itu juga bersetuju dengan Laporan Pemeriksa Luar (Profesor Dr. Ahmad Sa'aduddin Al-Basati), Dekan Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Universiti Al-Azhar (Dimyat) yang didatangkan pada masa yang sama dengan Rektor Al-Azhar sebagaimana di atas. Laporan tersebut menyatakan :

i. Kurikulum dan *syllabus* kursus yang diajarkan di Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam adalah bersamaan dengan apa yang berjalan di Universiti Al-Azhar.

ii. Kertas-kertas peperiksaan yang dijalankan di Institut Pengajian Islam amat tinggi nilainya yang tidak kurang mutunya dari kertas-kertas soalan peperiksaan yang dijalankan di Universiti Al-Azhar, Mesir.

iii. Hendaklah dibentuk sebuah jawatankuasa (*lajnah*) yang mengandungi dua orang tenaga pengajar, yang mana salah seorang daripadanya hendaklah berkeahlian dalam bidang keilmuan pengajian Islam dan yang seorang lagi berkeahlian dalam bidang Bahasa Arab.

iv. Bahagian Perpustakaan dan Bahagian Pentadbiran serta Hal Ehwal Pelajar berhajat kepada kawasan yang lebih besar.

Perkara ini telah diambil maklum oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi warkah Bil. HMPO 45/1987/III bertarikh 20 Oktober 1994.

PERJANJIAN AKADEMIK DAN LAWATAN

Sepanjang perkembangan IPI, beberapa perjanjian telah dimeterai di antara (i) pihak IPI dengan Al-Azhar, dan (ii) pihak IPI dengan Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Pakistan. Perjanjian-perjanjian tersebut ialah :

i. Dalam kunjungan bagi kali pertamanya ke Brunei, Rektor Universiti Al-Azhar (Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh), satu perjanjian telah dibuat yang dipanggil "Perjanjian Akademik dan Pendidikan Antara

Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam dengan Universiti Al-Azhar, Mesir", bertarikh 4 Zulhijjah 1412 bersamaan 6 Jun 1992. Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Majlis IPI, bagi pihak IPI dan Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh, Rektor Universiti Al-Azhar bagi pihak Universiti Al-Azhar. Perjanjian ini telah banyak membuka jalan ke arah hubungan yang lebih rapat dan mesra dengan Universiti Al-Azhar.

ii. Pada tahun 1992, satu rombongan yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Majlis IPI telah melawat Universiti Islam Antrabangsa Islamabad, Pakistan. Dalam lawatan tersebut, satu memorandum telah dimeterai yang dipanggil 'Memorandum of Understanding and Academic Cooperation' di antara pihak IPI dengan pihak UIA, Islamabad, Pakistan, bertarikh 9 Julai 1992. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dengan Justice Mohammad Afzal Zullah, Rector / Chairmen, Boards of Governors International Islamic University, Islamabad, Pakistan.

Perjanjian ini telah menghasilkan pengiktirafan UIA Islamabad ke atas Diploma Pengajian Islam keluaran IPI, yang mana para pemegangnya setelah lulus ujian Bahasa Arab dan Inggeris dibolehkan untuk memasuki Tahun Akhir (Tahun Empat) jurusan Usuluddin dan Syariah yang membawa pada Penganugerahan Ijazah B.A. (Hons) Usuluddin dan LL.B Syariah (Hons).

iii. Pada bulan Jun 1993, satu lawatan yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir telah berlangsung yang bertujuan untuk membuat perundingan dengan pihak Universiti Al-Azhar mengenai pengiktirafan akademik dan kelulusan Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam. Dalam rundingan tersebut, pihak Universiti Al-Azhar telah menyatakan bahawa tiada halangan untuk menerima lulusan Institut Pengajian Islam untuk mengikuti pengajian yang sama di Universiti Al-Azhar sekiranya memenuhi syarat-syarat kemasukan.

iv. Pada bulan November 1993, satu rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama telah pergi ke Mesir, yang antara lain untuk membuat perundingan dengan Rektor Universiti Al-Azhar dan Sheikh Al-Azhar. Hasil dari rundingan tersebut, pihak Universiti Al-Azhar bersetuju pada dasarnya untuk mengiktiraf lulusan Tahun Tiga (yang memegang Diploma



Pengajian Islam) dengan sekurang-kurangnya memperoleh pangkat 'Jayyid' (Baik) yang mengikuti kurikulum dan *syllabus* Al-Azhar untuk terus memasuki Tahun Akhir (Tahun Empat) di Universiti Al-Azhar bagi jurusan Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab.

v. Dalam pada itu, satu rombongan yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, telah melawat ke institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia pada 29 Oktober hingga 5 November 1994. Destinasi lawatan ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kuala Lumpur dan Universiti Malaya (UM). Tujuan lawatan ini ialah untuk menyediakan peluang-peluang bagi pelajar-pelajar lulusan IPI diterima masuk oleh universiti-universiti berkenaan di atas untuk melanjutkan pengajian mereka, di samping soal-soal pengiktirafan. Antara kesan dari lawatan tersebut ialah penerimaan beberapa pelajar lulusan IPI ke universiti-universiti berkenaan.

vi. Perkembangan yang terakhir berkaitan IPI ialah lawatan satu rombongan yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim ke Jordan pada bulan September, 1995 yang bertujuan untuk meninjau kemungkinan bagi penghantaran pelajar dari Brunei yang memegang Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan Diploma Pengajian Islam untuk belajar di mana-mana universiti di Jordan, di samping untuk mendapat latihan khasnya dalam bidang bahasa Arab dan membuat Ijazah Lanjutan di sana.

vii. Kedatangan Rektor Universiti Al-Azhar berkaitan IPI kali yang terakhir ialah pada tahun 1997, di mana Profesor Dr. Ahmad Omar Hashim diundang ke IPI sebagai Penilai Luar dan Pemeriksa Luar. Pandangan beliau adalah positif terhadap IPI dan berpotensi untuk lebih maju ke hadapan. Kedatangan beliau telah mengukuhkan lagi perundingan-perundingan yang telah dibuat sebelumnya.

PENGIKTIRAFAN AL-AZHAR

Perkembangan terakhir mengenai pengiktirafan muktamad Universiti Al-Azhar ke atas kelulusan Institut Pengajian Islam dibuktikan dalam dua surat dari pihak Universiti Al-Azhar yang ditandatangani oleh Profesor Dr. Abdul Fattah Husaini Al-Sheikh, Rektor Universiti Al-Azhar bertarikh 15 November 1993 dan Profesor Dr. Muhammad Husain Taufiq Uwaiddah, Naib Canselor Universiti Al-Azhar bertarikh 23 Mac 1995.

**UNTUK mengukuhkan
lagi mutunya,
Rektor Al-Azhar
telah mencadangkan
supaya institut ini
ditingkatkan kualitinya
dengan mengikuti kurikulum
dan 'syllabus' Universiti
Al-Azhar.**

BERSAMBUNG

Kicauan burung meriahkan Bandarku Ceria

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Program Bandarku Ceria berlangsung di ibu negara meriah dengan kicauan dari lebih 300 ekor burung pada Pertandingan Seni Suara Burung.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung Wasan dengan kerjasama Kelab Pekicau WBPKL Brunei Darussalam itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli keluarga.



PENGERUSI Jawatankuasa Pertandingan Seni Suara Burung, Awang Nawi @ A.Nawi bin Ma'arof ketika ditemu bual Pelita Brunei.

Perasmiannya disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Ketua Kampung Limau Manis yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu 100 Burung Murai Batu Kepala Putih, 120 Burung Murai Batu Kepala Hitam dan 100 Burung Kalijiau yang disertai oleh penduduk Kampung Wasan, orang ramai dan peserta dari negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam Pertandingan Seni Suara Burung Murai Batu Kepala Hitam, juara disandang oleh Awangku Noriskandar bin Pengiran Omar dengan 444 mata, tempat kedua dimenangi oleh Muhammad Raihan bin Haji Tengah dengan 401 mata dan Awang Nizam bin Izi di tempat ketiga dengan memperoleh 397 mata.

Sementara itu, bagi Burung Murai Batu Kepala Putih pula, juara disandang oleh Awang Din dengan 439 mata, Awang Mahdini di tempat kedua dengan 413 mata dan Awang Jimi di tempat ketiga dengan 402 mata.

Bagi kategori Burung Murai Kampung / Kalijiau, Awang Deanz yang memperoleh 419 mata muncul juara, diikuti Awang Orapto di tempat kedua dengan 408 mata dan Awang Razali di tempat ketiga dengan 402 mata.

Pengerusi Jawatankuasa pertandingan berkenaan, Awang Nawi @ A.Nawi bin Ma'arof berkata,



PARA hakim pertandingan dengan teliti mendengarkan kicauan burung-burung Murai yang dipertandingkan.

pertandingan itu dinilai dari segi suara yang dihasilkan oleh burung yang dipertandingkan.

Pihak jawatankuasa ujarnya sedang berusaha untuk meningkatkan lagi usaha pelaksanaan pertandingan berkenaan termasuk mengadakan penyertaan daripada peserta-peserta dari seluruh negara di mana ia diharap dapat dilaksanakan pada tahun ini.

"Pertandingan antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan Baginda Sultan, di samping mengeratkan silaturahim sesama penggemar burung," jelasnya.



BURUNG Murai Batu adalah antara Burung Murai yang dipertandingkan.

Perhimpunan keluarga eratkan silaturahim



AWANG Haji Abdul Timbul bin Haji Duraman merupakan salah seorang generasi awal DSG semasa melancarkan Majlis Perhimpunan Warisan DSG.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Januari. - Dalam mengumpul dan mengeratkan lagi hubungan ahli-ahli keluarga DSG (Awang Haji Duraman bin Kula, Dayang Sainah binti Haji Talip dan Dayang Gading binti Amba), satu Majlis Perhimpunan Warisan DSG diadakan buat kali Pertama yang berlangsung di Taman HADFA, Rimba Gadong, di sini.

Perhimpunan Warisan DSG mengumpul lebih 800 ahli keluarga dengan menyediakan pelbagai aktiviti seperti aktiviti sukan serta pondok-pondok keluarga DSG.

Turut diadakan ceramah bagi mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Haji Mail bin Haji Besar yang antara lain menyentuh kelebihan amalan dalam kehidupan.

Menurutnya, untuk mendapatkan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala adalah melalui amalan-amalan yang kita lakukan semasa hidup serta amalan-amalan semasa hidup yang kita tinggalkan serta bermanfaat digunakan oleh orang lain.

Beliau menambah, rahmat itu boleh diperoleh daripada keluarga serta keturunan kita melalui sedekah-sedekah, amalan-amalan dan doa-doa untuk kaum keluarganya yang sudah kembali kerahmatullah dan itulah cara untuk mendapatkan rahmat Allah sehingga kita masuk syurga dengan rahmat Allah berdasarkan amalan-amalan tersebut.

Tambahnya, silaturahim inilah yang mengikat para ahli keluarga dan juga menyambung, menghubungkan keluarga-keluarga yang terputus

hubungan yang antara sebabnya ialah tinggal jauh di luar negeri, kesusahan hidup, permusuhan dan sebagainya.

Keturunan DSG bermula dari Awang Haji Duraman bin Kula berkahwin dengan Dayang Sainah dan dikurniakan empat orang anak, iaitu Awang Burut bin Haji Duraman, Dayang Timah binti Haji Duraman, Dayang Hajah Tijah binti Haji Duraman dan Dayang Hajah Piah binti Haji Duraman.

Awang Haji Duraman bin Kula seterusnya berkahwin dengan Dayang Gading binti Amba dan dikurniakan lima orang anak, iaitu Awang Haji Garip bin Haji Duraman, Dayang Naik binti Haji Duraman, Dayang Hajah Limah binti Haji Duraman, Awang Haji Sulong bin Haji Duraman dan Awang Haji Abdul Timbul bin Haji Duraman.

Dayang Sainah pula kemudian berkahwin dengan Awang Suboh bin Bangkul dan dikurniakan seorang anak, iaitu Awang Haji Salat

bin Suboh.

Majlis Perhimpunan Warisan DSG dilancarkan oleh Awang Haji Abdul Timbul yang merupakan salah seorang generasi awal DSG, iaitu anak kepada Awang Haji Duraman dan Dayang Gading.

Semasa ditemu Pelita Brunei, Timbalan Pengerusi, Awang Haji Bulat bin Badar menjelaskan, perhimpunan ini merupakan julung kali diadakan dan ia mula dirancang pada bulan Oktober tahun lalu.

Beliau berharap dengan adanya perhimpunan seumpama ini, keluarga DSG akan lebih kukuh, lebih pemedulian serta bersatu.

Acara seumpama ini juga katanya akan diteruskan untuk kebaikan dan kebajikan keluarga DSG di masa depan.

Sementara itu, Awang Juna bin Jumat selaku Ketua Urusetia perhimpunan berpendapat, rancangan perhimpunan keluarga ini umpama trend terkini dan ramai yang

mengadakan di dewan dan sebagainya dengan tujuan yang sama, iaitu untuk menghimpunkan sanak saudara memandangkan ada yang sudah tinggal jauh dan ada juga yang masih belum saling mengenali.

Tambahnya, aktiviti yang utama adalah ceramah khas ini bagi mengukuhkan hubungan kekeluargaan, di samping untuk saling kenal mengenali juga diadakan aktiviti sukan muhibah dan ini diikuti dengan bedudun ke pondok-pondok bagi 10 buah pondok yang terdiri dari 10 keluarga DSG dengan menyajikan makanan-makanan dan minuman-minuman khususnya yang tradisional.

Melalui bedudun ke pondok-pondok ini katanya lagi, generasi-generasi muda keluarga ini akan mengenali jenis-jenis makanan, di samping mengenali generasi-generasi yang sudah berusia dalam keluarga DSG.



ANTARA ahli-ahli keluarga yang hadir pada Majlis Perhimpunan Warisan DSG.

Masjid Batu Marang anjur Kursus Fardhu Kifayah

Berita dan Foto: Ihsan Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi

MUKIM MENTIRI, Ahad, 29 Januari. - Seramai 58 peserta menyertai Kursus Fardhu Kifayah anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Marang yang berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pembukaan kursus ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam, Imam Saiful Rizal bin Haji Abdul Ghafar selaku Pengerusi Takmir Masjid Kampung Batu Marang.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari selaku Pengerusi Majlis yang seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan.

Kursus yang diadakan selama sehari itu telah disampaikan oleh Penceramah Undangan, iaitu Awang Haji Muhammad Burhanuddin bin Haji Damit yang diadakan bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan sebelah petang bermula jam 1.30 petang

hingga 3.30 petang dengan pengisian kursus antaranya menyentuh mengenai cara-cara memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan

dan mengkebumikan jenazah.

Majlis penutup kursus fardu kifayah diadakan sejeurus selesai kursus yang dimulakan dengan bacaan surah Al Fatihah dipimpin oleh Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat

iaitu Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip dan seterusnya ucapan dari wakil peserta yang telah disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi.

Sijil-sijil kepada peserta kursus telah disampaikan oleh tetamu

kehormat majlis.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat Allah Peliharakan Sultan telah dibacakan oleh Awang Muhammad Shahrine Hadiman bin Sahari dan diteruskan lagi dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.



SERAMAI 58 peserta mengikuti Kursus Fardhu Kifayah yang diadakan di Masjid Kampung Batu Marang.

Karnival Warga Rancangan Perumahan Negara Panchor Mengkubau meriah

Oleh : Wan Mohd Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUKIM MENTIRI, Ahad, 29 Januari.- Karnival Warga Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau 2017 yang berlangsung selama tiga hari mendapat sambutan meriah dari para pengunjung.

Karnival anjuran Majlis Perundingan Kampung RPN Kampung Panchor Mengkubau yang bermula pada 27 Januari hingga 29 Januari 2017 diadakan sepanjang Jalan Tanjong Selasih berdekatan Taman Riadah Bukit Mengkubau mengetengahkan pelbagai aktiviti termasuk jualan bazar, sukaneka dan riadah keluarga serta melestarikan kebudayaan Brunei.

Antara lain objektif karnival adalah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga RPN Panchor Mengkubau, selain untuk memberi

peluang penduduk mengadakan aktiviti jualan secara berkelompok serta memberi kesedaran akan pentingnya aktiviti sukan dan riadah kalangan penduduk, sekaligus menyahut seruan pihak kerajaan Ke Arah Warga Sihat.

Aktiviti-aktiviti sepanjang karnival termasuk sukaneka secara berpasukan atau berkeluarga, jualan bazar, Mengkubau Fun Night Ride (berbasikal malam), Fun Fair, Permainan untuk kanak-kanak, Pertandingan nyanyian, Tarik kalat, Street soccer, Netball, Demonstrasi Silat, Cabaran Memasak dan basikal Fixie.

Menurut Setiausaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Bolhassan Haji Abu Bakar, karnival tersebut turut disertai oleh

beberapa agensi kerajaan.

"Jabatan Penjara menjual produk kraf tangan dan hasil pertanian, manakala Jabatan Muzium-Muzium mengkongsikan permainan tradisional Brunei serta pameran jentera dari Jabatan Bomba dan Penyelamat," ujar beliau.

Dalam pada itu beliau turut merakam penghargaan khusus kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mana telah menaja pembiayaan bagi pemasangan Electrical Mini Feeder Piller Switch Box dan Meter Air.

"Karnival ini juga sebagai tanda penghargaan terima kasih pihak MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau kepada pihak Yayasan yang telah menaja pemasangan tersebut," tambah beliau.

Sementara itu, berikutan sambutan yang begitu menggalakkan pada karnival itu dengan menerima lebih 3,000 pengunjung, Awang Mohamad Nazrie bin Saie yang juga selaku Bendahari MPK RPN kampung itu



SETIAUSAHA Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau, Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar.



BENDAHARI MPK RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Mohamad Nazrie bin Saie semasa ditemu bual Pelita Brunei.



menyatakan perancangan akan mengendalikan karnival seumpama itu secara besar-besaran yang dijangka akan diadakan penghujung April nanti.

Karnival itu nanti katanya, akan diadakan secara kolaborasi dan dibantu oleh pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta syarikat swasta turut sama menjayakan sepanjang tiga hari ianya berlangsung.

"Karnival akan datang itu tetap dengan konsep jualan dan aktiviti sampingan, tetapi penyertaan akan dibukakan kepada semua penduduk Negara Brunei Darussalam, petak-petak jualan, perlawanan futsal, tarik kalat, Mengkubau Night Ride, cabaran memasak mengkubau, pertandingan nyanyian Gegar Mengkubau dan pelbagai aktiviti lagi.

"Acara karnival itu dijalankan oleh pihak penganjur serta dibantu oleh

biro-biro dan Ahli Jawatankuasa yang bernaung di bawah MPK RPN Kampung Panchor, Mengkubau," tambahnya lagi.

Awang Mohamad Nazrie seterusnya menambah, pihak penganjur merancang akan menyediakan lebih 60 petak jualan dan akan dibukakan kepada semua yang berminat untuk berniaga semasa karnival tiga hari itu nanti. Oleh itu, sesiapa yang berminat boleh terus menghubungi beliau atau ke Facebook rasmi 'Majlis Perundingan Kampung RPN Kg. Panchor, Mengkubau'.

Apa yang menarik pada hari terakhir karnival itu ialah turut diadakan perlawanan bola sepak dengan memakai kain sarung yang dimenangi oleh pasukan Ahli MPK RPN Kampung Panchor, Mengkubau apabila berjaya menewaskan AJK Karnival berkenaan.

BERMAIN Bola Sepak menggunakan kain pelikat antara aktiviti yang diadakan sebelah petang pada Hari Ketiga Karnival Warga Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau Mukim Mentiri.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 9/2/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 4/2017 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/ jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 30 JANUARI 2017

TARIKH TUTUP: 13 FEBRUARI 2017

1. PENYELIA ASRAMA TINGKAT III
D.3-4 EB.5-6
BAHAGIAN IV
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN : 1

TARIKH IKLAN: 30 JANUARI 2017

TARIKH TUTUP: 20 FEBRUARI 2017

1. PEGAWAI PERIKANAN KANAN
B.3
BAHAGIAN II
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN
KEKOSONGAN : 1

PEMBETULAN

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 8/1/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 25 JANUARI 2017

TARIKH TUTUP: 08 FEBRUARI 2017

1. PENYELIA ASRAMA TINGKAT III
D.3-4 EB.5-6
BAHAGIAN IV
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN : 1

Untuk Makluman, terdapat perubahan Tugas dan Tanggungjawab bagi jawatan tersebut di atas di Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Bagi melihat skim yang telah dikemaskini sila layari www.recruitment.gov.bn.

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123





**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Rujukan Tawaran :
KKW/ADM/KEM/31

KETERANGAN
Bil 1. AIKON : FG-60 (INDOOR UNIT)
FSGD-60 (OUTDOOR UNIT)
Jumlah : 6 Buah

Tarikh lawatan :
Hari : Isnin (6 Februari 2017)
Jam : 9.00 Pagi
Tempat : Herbarium Negara
Jabatan Perhutanan
Pusat Perhutanan Brunei
Sungai Liang
Negara Brunei Darussalam

Ditutup pada :
Rabu, 8 Februari 2017
Jam : 2.00 Petang

Tempat menghantar
borang tawaran di :
Peti Sebut Harga
Jabatan Perhutanan
Tingkat 2
Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

**SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN
YANG MESTI DIPATUHI OLEH
SEMUA PENENDER YANG INGIN
MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI
SEBARANG TAWARAN DI JABATAN
PERHUTANAN ADALAH SEPerti
BERIKUT :**

1. TAWARAN-TAWARAN yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan *identiti* syarikat / pembekal.

3. Dokumen tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut boleh diperoleh di :

**Jabatan Perhutanan
Tingkat 2
Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan)** bagi setiap tawaran pada waktu berkerja :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.30 Petang hingga 3.00 Petang**

**Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.

5. Untuk melihat barang-barang berkenaan, sila berhubung terlebih dahulu ke **Unit Herbarium Negara, Pusat Perhutanan Brunei, Sungai Liang** melalui talian telefon +673 3230767 sebelum tarik lawatan, iaitu Isnin, 16 Januari 2017.

6. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam borang dokumen tawaran dan mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan LENGKAP dan TERATUR.

7. Penender yang berjaya akan dimaklumkan dan dikehendaki membayar pembayaran secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh sebut harga ditutup.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V
KATEGORI : (B01, KA01, E01, M01,
KPME01 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
7 FEBRUARI 2017 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
28 FEBRUARI 2017 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR/DTS/21/CQS/2016-T/V
NAMA PROJEK : PROPOSED BUILDING FOR CARGO X-RAY MACHINE**

NO. PROJEK : JKR/DTS/SP/13/2016

**YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**OPEN INVITATION FOR PROPOSALS TO INVEST, BUILD AND OPERATE
THE INTEGRATED DEVELOPMENT
OF BUMIPUTERA COMMERCIAL TRADE CENTRE,
MULTI-STOREY CAR PARK BUILDING AND APTK BUILDING**

REFERENCE NO. : KHEDN/LTK/2017-01

THE Ministry of Home Affairs (MOHA) intends to revitalise the Central Business District (CBD) as part of the Bandar Seri Begawan Masterplan.

In this context, MOHA invites proposals from interested parties to invest, build and operate an integrated development of Bumiputera Commercial Trade Centre, Multi-Storey Car Park and APTK Building. More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposal (RFP) document.

Who should register?

